

Season Two: The Kingdoms

Narration / Voice Over	Visual/ Effect
<p>Episod22:</p> <p>Ishaq</p> <p>SUARA:</p> <p>ISHAQ (ARAB: إِسْحَاقٌ, ISHĀQ)</p> <p>(SEKITAR 1761 SM - 1638 SM) NABI ISHAQ A.S. MERUPAKAN PUTERA KEDUA NABI IBRAHIM A.S.</p> <p>SELEPAS NABI ISMAIL A.S. YANG BERIBUKAN SARAH. BAGINDA MERUPAKAN AYAH KEPADA NABI YA'QUB A.S.</p> <p>GENEALOGI: ISHAQ BIN IBRAHIM BIN AZAR BIN NAHUR BIN SURUJ BIN RA'U BIN FALIJ BIN 'ABIR BIN SYALIH BIN ARFAKHSYAD BIN SYAM BIN NUH.</p> <p>AL-QURAN TIDAK MENYEBUTKAN SECARA TERPERINCI KISAH NABI ISHAQ A.S., DEMIKIAN JUGA KEPADA KAUM MANA BAGINDA DIUTUSKAN. NAMUN PUJIAN</p>	

TERHADAP NABI ISHAQ
A.S.TERDAPAT DI BEBERAPA
TEMPATDI DALAM AL-QUR'AN,
MISALNYA:

*“DAN INGATLAH HAMBA-HAMBA
KAMI : IBRAHIM, ISHAQ,
DAN YA ’QUB YANG MEMPUNYAI
PERBUATAN PERBUATAN YANG
BESAR DAN ILMU ILMU YANG
TINGGI. SESUNGGUHNYA KAMI
TELAH MENSUCIKAN MEREKA
DENGAN (MENGANUGRAHKAN
KEPADA MEREKA) AKHLAK YANG
TINGGI YAITU SELALU
MENGINGATKAN (MANUSIA)
KEPADA NEGERI AKHIRAT. DAN
SESUNGGUHNYA MEREKA PADA
SISI KAMI BENAR-BENAR
TERMASUK ORANG-ORANG
PILIHAN YANG PALING
BAIK. (SURAH SAD: 45 – 47)*

DI SAMPING ITU,RASULULLAH
SAW JUGA MEMUJI NABI ISHAQ
A.S., BAGINDA BERSABDA :

الكَرِيمُ، ابْنُ الْكَرِيمِ، ابْنُ الْكَرِيمِ، ابْنُ الْكَرِيمِ يُوسُفُ بْنُ
يَعْقُوبَ بْنِ إِسْحَاقَ بْنِ إِبْرَاهِيمَ عَلَيْهِمُ السَّلَامُ

MAKSUDNYA: “YANG MULIA

PUTERA YANG MULIA, PUTERA YANG MULIA DAN PUTERA YANG MULIA ADALAH YUSUPUTERA YA'QUB, PUTERA ISHAQ, PUTERA IBRAHIM” . HADISINI DIRIWAYATKAN OLEH IMAM BUKHARI DAN MUSLIM.

KELAHIRAN

SETELAH DIKURNIAKAN OLEH ALLAH SWT ANAK (NABI ISMAIL A.S) DARIPADA ISTERI BAGINDA HAJAR, NABI IBRAHIM A.S. BERDOA KEPADA ALLAH SUPAYA DIANUGERAHKAN ZURIAT DARIPADA ISTERI PERTAMA YANG BERNAMA SARAH. ALLAH MENDENGAR DAN MEMAKBULKAN PERMINTAAN TERSEBUT. LALU ALLAH MENGUTUS MALAIKAT BERBENTUK MANUSIA UNTUK MEMBERI KHABARBAIK KEPADA NABI IBRAHIM BAHAWA ISTERI PERTAMA BAGINDA IAITU SARAHAKAN MELAHIRKAN SEORANG ZURIAT. BAHKAN, MALAIKAT JUGA MENYAMPAIKAN KHABAR BAHAWA KAUM NABI LUTH

AKAN DITIMPA AZAB
KERANAKESATAN MEREKA.

KISAH INI DICATATKAN DALAM
AL-QUR'AN SEPERTI BERIKUT:

*TATKALA MALAIKAT UTUSAN KAMI
SINGGAH DI
KEDIAMAN IBRAHIM MEMBAWA
BERITA GEMBIRA, MEREKA
BERKATA: 'KAMI AKAN
MEMUSNAHKAN PENDUDUK
SODOMEINI, KARENA MEREKA
ORANG-ORANG ZALIM" (SURAH AL
'ANKABUT: 31)*

DALAM SURAH DI ATAS
TERDAPAT KATA "BERITA
GEMBIRA", MAKSDUNYA BERITA
BAIK TENTANG KELAHIRAN NABI
ISHAK. SELENGKAPNYA DAPAT
DILIHAT DALAM SURAH HUD
PADA AYAT BERIKUT:

*DAN PARA UTUSAN MALAIKAT
KAMI TELAH DATANG
KEPADAI BRAHIM MEMBAWA
BERITA GEMBIRA. MEREKA
MENGUCAPKAN
"SELAMAT." IBRAHIM MENYAMBUT:
"SELAMAT." TAK LAMA*

*KEMUDIAN IBRAHIMPUN SEGERA
MENGHIDANGKAN PANGGANG
ANAK SAPI. (SURAH HUD: 69)*

SETELAH IBRAHIM MELIHAT
TANGAN MEREKA TIDAK
MENJAMAH HIDANGAN ITU, IA
MULAI CURIGA DAN MERASA
TAKUT TERHADAP MEREKA.
KATA MEREKA: "JANGAN TAKUT!
SEBENARNYA KAMI INI DIUTUS
KEPADА KAUM LUTH." (AL
QUR'AN SURAT HUD AYAT 70)

*SEMENTARA ITU ISTERINYA
BERDIRI DI SAMPINGNYA. IA MULAI
TERSENYUM KARENA TAKUTNYA
TELAH HILANG. MAKA KAMI
SAMPAIKANLAH BERITA GEMBIRA
YANG BERUNTUN, YAKNI
KELAHIRAN ISHAQ DAN LAHIR
PULA YA'QUB. (AL QUR'AN SURAT
HUD, AYAT 71)*

KELAHIRAN NABI ISHAK A.S
MERUPAKAN TITIK PERMULAAN
BERMULANYA PROSES PERLANTIKKAN
KENABIAN DARI KETURUNAN IBRAHIM
A.S. LAHIR DARI IBU YANG MEMPUNYAI
KEDUDUKKAN DALAM MASYARAKAT

MEMBERI PELUANG YANG BESAR
KEPADА ISHAK UNTUK PERGI DENGAN
LEBIH JAUH LAGI. LAHIR KETIKA ISMAIL
A.S ABANGNYA BERUSIA 14 TAHUN.
HUBUNGI BELIAU DENGAN ISMAIL
AGAK JAUH DARI SUDUT GEOGRAFINYA
KERANA ISHAK DIBESARKAN DI
PALESTIN MANAKALA ISMAIL DI
MEKKAH AL-MUKARRAMAH.

AHLI KITAB
MENYATAKANBAHAWA NABI
ISHAQ A.S MENGAHWINI RAFQAH
BINTI BATU'IL SEMASA NABI
ISHAQ BERUSIA 40
TAHUNIAITUKETIKABAPA
BAGINDA MASIH HIDUP. ISTERI
BAGINDATIDAK BOLEH
MELAHIRKAN ANAK KERANA
KEMANDULAN, LALU NABI
ISHAQ PUNMEMOHON
DOASUPAYA DIKURNIAKAN
ZURIAT. KEMUDIAN, ISTERI
BAGINDAMENGANDUNG DAN
MELAHIRKAN DUA ORANG ANAK
LELAKI KEMBAR. NAMA ANAK
YANG SULUNG IALAH 'IISHUU,
ATAU DISEBUT OLEH ORANG
ARAB SEBAGAI 'IISH.
'IISHUMERUPAKAN NENEK

MOYANG KEPADA BANGSA ROM.
SEORANG LAGI ANAK KEMBAR
DINAMAKANYA'QUB. BAGINDA
JUGA DIPANGGIL SEBAGAI
ISRAIL IAITUNENEK MOYANG
KEPADA BANI ISRAIL.